



KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE UNTUK MAKLUMAN :

Y.B. MENTERI

Y.B. TIMBALAN MENTERI

Y.BHG. KSU

Y.BHG. TKSU (PDN)

Y.BHG. TKSU (PUP)

SETIAUSAHA AKHBAR

16 APRIL 2021 (JUMAAT)



KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE (KPDNHEP)

16 APRIL 2021 (JUMAAT)

Kenaikan harga barang keperluan masih terkawal

Pemeriksaan dilakukan di setiap rantaian bekalan elak manipulasi

Oleh Fahmy A Rosli
fahmy.azril.com.my

Kuala Lumpur: Sesi libat urus akan diadakan secara lebih kerap dengan penternak, pemborong dan pelbagai agensi berkaitan bagi menangani isu kenaikan harga ayam.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi, berkata ia adalah antara usaha kementeriannya selepas mewartakan ayam sebagai barang kawalan di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961.

Katanya, kementeriannya turut melakukan pemeriksaan bagi memastikan tiada kenaikan tidak munasabah, termasuk melaksanakan Skim Kawalan Harga Maksimum Musim Perayaan, dalam masa terdekat.

Bagaimanapun, katanya, hasil pemeriksaan kementeriannya di seluruh negara mendapat kenakan harga barang keperluan yang diadu, masih terkawal.

Berdasarkan aduan diterima, KPDNHEP melakukan pemeriksaan segera terhadap dakwaan berlaku kenaikan harga beberapa barang keperluan di Kelantan, Kedah dan Pulau Pinang.

"Tindakan penguatuasaan akan dikenakan terhadap mana-mana peniaga ayam yang didapati melakukan kesalahan mengikut Akta Kawalan Bekalan 1961 dan Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011



Peniaga ayam, Faridzuan Abdul Rashid menunjukkan ayam yang dijual di Pasar Chow Kit, Kuala Lumpur, semalam.
(Foto Aswadi Alias/BH)

(AKHAP 2011)," katanya kepada BH, semalam.

Mengenai punca kenaikan harga ayam, Alexander berkata, secara amnya ia dipengaruhi peningkatan permintaan melebihi penawaran, perubahan nilai mata wang asing yang lebih tinggi, aktiviti monopoli, perubahan iklim dan cuaca serta kadar upah pekerja.

Katanya, tindakan peniaga mengambil kesempatan membuat keuntungan tinggi yang tidak munasabah atau menyorok bekalan juga mempengaruhi harga ayam.

Sementara itu, Timbalannya, Datuk Rosol Wahid, berkata pemeriksaan harga turut dijalankan di sepanjang rantaian bekalan ayam bermula dari 'kandang' sehingga peruncit.

Langkah itu, katanya, untuk memastikan tidak berlaku ma-

nipulasi harga ayam sehingga berlaku kenaikan tidak munasabah yang akhirnya dikhuatirkan membebankan pengguna.

Di Kelantan, peniaga ayam mendakwa harga ayam mula naik mendadak sejak seminggu sebelum Ramadan, memaksa mereka menaikkan harga jualan.

Tinjauan di Pasar Besar Siti Khadijah mendapati harga ayam kini meningkat kepada RM8.50 sekilogram sejak beberapa hari lalu, berbanding antara RM6 hingga RM7.30 sekilogram sebelum ini.

Peniaga ayam, Hayati Daud, 50, berkata dia tidak ada pilihan selain terpaksa menaikkan harga ayam bagi mengelak kerugian.

"Sebelum ini, harga ayam dijual RM7.30 sekilogram, namun kini terpaksa dinaikkan sehingga RM8.50 sekilogram memandangkan harga ayam mula naik

antara 30 sen hingga 40 sen setiap hari sejak seminggu lalu," katanya.

Di Kuala Terengganu, peniaga ayam bimbang kenaikan harga bahan makanan yang mendadak pada Ramadan ini, menjaskan hasil jualan mereka.

Peniaga ayam di Pasar Bukit Besar, Hazriwana Mohd, berkata ia turut meresahkan pengguna, sekali gus mencari alternatif sumber protein lain seperti ikan atau telur.

Katanya, mengikut harga pasar sekarang, ayam dijual pada harga RM9.50 hingga RM10 sekilogram, meningkat berbanding RM7.80 sekilogram sebelum Ramadan.

"Malah, saya turut diherdik pelanggan kerana harga ayam terlalu mahal akhirnya jualan ayam tidak laris seperti kebiasaan Ramadan," katanya.

2,266 penguat kuasa KPDNHEP turun padang seluruh negara

Kementerian kerah pantau harga

Oleh: MAISARAH SHEIKH RAHIM
maisarah.rahim@mediamalaya.com.my

PUTRAJAYA: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) mengerahkan 2,266 penguat kuasanya melakukan pemantauan harga barang di seluruh negara walaupun berdepan kekangan kekurangan anggota yang serius.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Menterinya, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi berkata, kementerian berhadapan dengan pelbagai isu pengguna setiap hari dan anggota penguat kuasa yang ada amat sedikit, namun, tetap dikerahkan bagi memantau pelbagai isu membabitkan 32 juta penduduk Malaysia.

"Walaupun dalam jumlah yang sedikit, anggota penguat kuasa cuba sebaik baik untuk menangani isu-isu pengguna termasuk menjalankan pelbagai tugas lain seperti risikan, pemantauan siasatan aduan dan kutipan data," katanya.

Akhbar ini kelmarin melaporkan kebimbangan rakyat yang terbebas sekali lagi dengan peningkatan harga runcit barang di seluruh negara ketika hari pertama Ramadan.

Alexander memberitahu, daripada Op Pantau yang dilancarkan kelmarin, sebanyak 2,499 pemeriksaan dilakukan dengan sembilan kes diperoleh di bawah pelbagai perundangan



PENIAGA ayam, Ku Rusmiza Ku Desa menunjukkan resit harga ayam daripada pembekal kepada anggota penguat kuasa PPBNHEP Perlis di Pasar Besar Arau, kelmarin. - UTUSAN/NAZLINA NADZARI

di bawah kementerian itu.

Selain itu, katanya, pihaknya menggerakkan beberapa operasi bagi memastikan pematuhan peniaga terhadap isu harga dan bekalan seperti Op Ria (pematuhan tanda harga pasar raya sempena perayaan); Op Suri (pematuhan tanda harga pasar-pasar awam); Op Teko (pematuhan tanda harga di restoran dan kedai makan); Op Catut 8.0 (memantau kenaikan harga) dan Op

Pasar (memantau pasar).

"Kementerian sentiasa memandang serius isu kenaikan harga barang keperluan pengguna yang tidak terkawal kerana ia menyumbang kepada kenaikan kos sara hidup rakyat.

"Bagaimanapun, kementerian tidak membuat sebarang penetapan harga barang kecuali barang harga terkawal atau barang di bawah skim harga maksimum musim pe-

rayaan," katanya.

Tambah Alexander, manapun individu yang cuba mengaut keuntungan berlebihan sebagai orang tengah dalam pasaran tidak akan dibiaran terus membuli peniaga dengan cara menaikkan harga melampaui sehingga memberi kesan kepada pengguna.

Alexander berkata, selain orang tengah, kenaikan harga barang juga disebabkan oleh

beberapa faktor lain seperti peningkatan permintaan melebihi jumlah penawaran, perubahan nilai mata wang asing lebih tinggi berbanding nilai ringgit; kewujudan banyak rantaian pengedaran barang sebelum barang sampai kepada pengguna serta aktiviti monopoli.

Katanya, turut dikesan ialah perubahan polisi negara asal (jika barang diimport); perubahan pengenaan kadar cukai yang dikenakan; perubahan iklim, cuaca atau bencana alam (iaitu panas atau hujan yang berlebihan telah menyebabkan tanaman menjadi tidak subur atau rosak).

Selain itu, beliau menjelaskan, kesan lain melibatkan peningkatan kos keseluruhan perniagaan yang perlu ditampung (termasuk sewaan bangunan, pengangkutan dan utiliti) sedangkan kadar keuntungan berkurangan kesan daripada tempoh operasi perniagaan yang pendek, pelanggan yang terhad dan peningkatan kos pengeluaran atau barang.

"Peningkatan harga bahan mentah atau komoditi; terma bayaran oleh peniaga daripada pembekal (termasuk tempoh pembayaran dibuat dan kuantiti barang dibeli) dan tindakan peniaga yang mengambil kesempatan membuat keuntungan tinggi tidak munasabah atau menyorok bekalan," katanya.



PENIAGA menyusun ayam di Pasar Chow Kit, Kuala Lumpur pada tinjauan harga ayam di pasar basah sekitar Lembah Klang berhubung kenaikan mengejut harga ayam.

HARGA AYAM MAHAL

Pengguna tinjau sebelum beli

Oleh Amir Abd Hamid
am@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Saya ronda beberapa gerai jual ayam dan tinjau harga kemudian baru buat pembelian sebab harga berbeza," kata Nik Murhaliza Zainon, 39.

Dia yang ditemui di Pasar Chow Kit di sini, berkata, harga ayam walaupun ada kenaikan, tetapi masih

mampu beli.

Namun, menurutnya, tidak berbaloi membuat pembelian jika harga ayam naik sehingga RM10 sekilogram.

"Okey lagi harga, cuma kita kena tinjau dululah sebab ada perbezaan harga antara gerai menjual ayam di sini."

"Bagi saya, walaupun harga ditawarkan antara RM8,50 dan RM9, tetapi ayam dijual lebih berkualiti berbanding ayam dijual di pasar raya sekitar RM6,50 hingga RM7 se-kilogram," katanya.

Nik Murhaliza yang bekerja sebagai jurujual berkata, ayam adalah menu utama keluarganya, tambahan pula digemari tiga anaknya.

Dia berharap kerajaan mengawal harga ayam di pasaran supaya tidak melonjak seterusnya membebankan pengguna tegas ayam seperti keluarganya.

Peniaga ayam yang dikenali sebagai Rahim, 57, menjelaskan dia terpaksa naikkan harga sebab pembekal menaikkan harga ayam.

"Saya jual RM8,50 sekilogram untuk ayam daging selepas menerima harga pembekal RM7,50.

"Itupun buat masa ini kerajaan belum tetapkan harga siling, bagi saya jika contohnya ditetapkan RM8, baiklah tak payah berniaga sebab tak pulang modal kos dikeluarkan," katanya.

Peniaga ayam yang dikenali sebagai Akmal Ilyas, 25, berkata, peniaga hanya boleh menurunkan harga ayam jika pembekal menaikkan harga ayam itu sendiri.

Katanya, pihak peniaga tidak akan menaikkan harga sesuka hati jika bekalan yang diterima tiada peningkatan harga.

Harga bagi sekilogram ayam sebelum Ramadhan adalah RM8.

Sementara itu, Ketua Pegawai Penguat Kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Kuala Lumpur Zubir Hamsa ketika ditanya menjelaskan ulasan kenaikan harga ayam itu su-

dah dibuat menteri, kelmarin.

Menteri KPDNHEP, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi kelmarin dilaporkan mengaku berlakunya peningkatan kenaikan harga ayam di pasaran.

Bagaimanapun, katanya, kenaikan itu bukanlah seperti dilaporkan orang ramai yang mengatakan harga naik mendadak.

"Ada naik sedikit tapi masih dalam paras (kawalan)," katanya.



HAZRIWANA menyusun ayam yang dijual di Pasar Bukit Besar, Kuala Terengganu, semalam.

Kena marah naik harga ayam

Kuala Terengganu: "Penangga marah saya kerana harga ayam terlalu mahal akhirnya jualan ayam tidak laris seperti kebiasaan Ramadan," kata Hazriwana Mohd salah seorang peniaga ayam di Pasar Bukit Besar ketika ditemui di sini, semalam.

Hazriwana, 41, dari Kampung Wakaf Mempelam berkata, dia serba salah untuk meletakkan harga bagi ayam yang dijualnya itu.

"Mengikut harga pasaran sekarang ayam dijual pada harga RM9.50 hingga RM10 sekilogram meningkat berbanding sebelum Ramadan iaitu RM7.80 sekilogram.

"Peniaga sendiri buntu

memikirkan punca harga ayam meningkat mendadak walaupun baharu tiga hari Ramadan.

"Biasanya awal Ramadan harga ayam stabil dan tidak tinggi, tetapi sekarang berlajuan dan peniaga juga terkesan dengan kenaikan harga itu," katanya.

Tambahnya, semua peniaga ayam merungut kerana jualan ayam sering tidak habis pada setiap hari.

"Dengan harga yang tinggi itu, peniaga hanya mampu menjual 20 hingga 30 ekor ayam sahaja sehari berbanding sebelum Ramadan atas.

"Saya nak jual rendah daripada harga pasaran juga

tak boleh kerana ia akan merugikan perniagaan.

"Untung pun bukan banyak untuk sekilogram ayam yang dijual, malah kos lain seperti air batu juga perlu ditanggung peniaga," katanya.

Menurutnya, dia tiada pilihan selain meneruskan perniagaan dengan mengekalkan harga yang ditetapkan pasaran.

"Saya harap kerajaan bantu dalam memastikan harga ayam di pasaran berada pada kadar yang berpatutan.

"Bukan sahaja untuk membantu pengguna tetapi turut membantu peniaga supaya jumlah jualan dapat dipertingkatkan sepanjang Ramadan," katanya.

‘Salah jika beza harga terlalu tinggi’

Peniaga boleh dipersalahkan sekiranya harga motosikal secara tunai, ansuran jauh berbeza

SHAH ALAM

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDN-HEP), Datuk Rosol Wahid memaklumkan tindakan penjual yang menjual motosikal sama ada secara tunai atau ansuran bukan satu kesalahan.

Bagaimanapun, beliau berkata, sekiranya terdapat perbezaan harga yang terlalu tinggi antara kedua-dua kaedah pembelian tersebut, maka ia akan menjadi satu kesalahan.

“Ia tidak menjadi kesalahan jika beli secara tunai dan ansuran tetapi jika terdapat perbezaan harga yang besar, maka akan jadi kesalahan. Jika tiada perbezaan, maka ia tidak menjadi kesalahan.

“Yang kedua, kalau dikatakan nak bayar tunai, kena bayar lebih, itu boleh dilaporkan kepada kementerian,” katanya kepada *Sinar Harian*.

Menurut Rosol, KPDN-



Hanya sebilangan kecil kedai motosikal menggalakkan penjualan secara ansuran.
Gambar kecil: Rosol.

HEP telah melakukan tinjauan dan mendapati hanya sebilangan kecil kedai motosikal didatati menggalakkan penjualan secara ansuran.

“Jadi pegawai kita turun dan periksa, kita dapat bahawa ada kedai yang membenarkan untuk jual beli se-

cara tunai.

“Boleh dikatakan bahawa banyak kedai yang suruh beli ansuran itu tidak banyak. Ada memang ada, tetapi tidak banyak.

“Maknanya kebanyakan kedai yang kami pergi, mereka (pelanggan) boleh membeli secara tunai,” katanya.

Selain itu, Rosol berkata, orang ramai diminta untuk melaporkan kepada KPDN-HEP sekiranya penjualan motosikal pada harga berbeza.

“Kita tengok kalau ada laporan, kita akan siasat. Siasat dan kita tengok daripada pembekal berapa dia dapat, para pembekal kepada peruncit jual berapa dan peruncit kepada pengguna dapat berapa,” katanya.



Laporan *Sinar Harian* pada Rabu.